

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

**GARIS PANDUAN ORANG YANG KOMPETEN (OYK)/ ORANG YANG TERLATIH (OYT)
MENJALANKAN KERJA ATAU TUGASAN BERKAITAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada UTHM dan staf yang mempunyai lesen atau sijil Orang Yang Kompeten (OYK)/ Orang Yang Terlatih (OYT) yang berdaftar dengan agensi penguatkuasa atau yang diiktiraf bagi menjalankan kerja atau tugasan berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di UTHM.
- 1.2 Tertakluk kepada peraturan, dasar, pekeliling atau garis panduan yang berkuatkuasa di UTHM, OYK/ OYT boleh menjalankan kerja atau tugasan berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di UTHM dengan mendapat upah mengikut kadar yang dipersetujui antara OYK/ OYT dan pihak yang menawarkan kerja atau tugasan berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di UTHM tersebut.
- 1.3 Garis Panduan ini akan menjadi rujukan dan panduan untuk staf Universiti membuat permohonan bagi menjalankan kerja-kerja perkhidmatan OYK/ OYT yang bertujuan dapat membantu UTHM mematuhi peraturan KKP.
- 1.4 Garis panduan ini tidak terpakai kepada OYK/ OYT yang telah dilantik oleh Universiti atas lantikan jawatan hakiki atau diarahkan mengambil kompetensi tertentu.

2.0 TAKRIFAN

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

- 2.1 “JKKP” ertiannya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

- 2.2 “**KUMPULAN OYK/ OYT**” ertinya beberapa individu OYK/ OYT dalam kalangan staf aktif Universiti yang dilantik untuk menjalankan peranan sebagai pengujis profesional;
- 2.3 “**OYK/ OYT**” ertinya Orang Yang Kompeten (OYK)/ Orang Yang Terlatih (OYT) dalam kalangan staf UTHM yang berdaftar dengan agensi penguatkuasa atau yang diiktiraf seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom mengikut peraturan semasa serta mendapat kelulusan UTHM. Contoh OYK / OYT adalah seperti **Lampiran 1**.
- 2.4 “**PTj**” ertinya entiti Pusat Tanggungjawab termasuk Fakulti, pejabat dan pusat di dalam Universiti dan diketuai oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).
- 2.5 “**Staf**” ertinya individu yang diambil bekerja oleh Universiti di bawah peraturan yang berkuatkuasa dalam UTHM; dan
- 2.6 “**Universiti**” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau singkatannya UTHM.

3.0 KEPATUHAN UNDANG-UNDANG

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama Akta, garis panduan atau peraturan berikut:

- 3.1 Seksyen 15 (1) dan Seksyen 19, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (AktaA1648) – Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya. Seseorang yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

- 3.2 Seksyen 18_B(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (AktaA1648)- Tiap-tiap majikan, orang yang bekerja sendiri atau prinsipal hendaklah menjalankan pentaksiran risiko berhubung dengan risiko keselamatan dan kesihatan yang terdedah kepada mana-mana orang yang mungkin terjejas dengan pengusahaannya di tempat kerja.
- 3.3 Seksyen 31_B(1)(a) dan 31_B(2), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (AktaA1648) - Bagi maksud Akta ini, tiada seorang pun boleh (a) menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam **Jadual Kelima**, melainkan jika dia telah berdaftar sebagai orang kompeten di bawah Akta ini. Seseorang yang melanggar subseksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Jadual Kelima
(Seksyen 31_B(1)(a) AktaA1648)

Aktiviti

1. Untuk memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan.
 2. Untuk mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji.
 3. Untuk menjalankan pengawasan perubatan dan pemeriksaan kesihatan.
 4. Untuk menjalankan pentaksiran risiko kesihatan bagi apa-apa bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan.
 5. Untuk menjalankan pentaksiran kualiti udara dalaman.
 6. Untuk memantau atau menguji persekitaran kerja, loji atau tempat kerja termasuk pemantauan pendedahan kimia, pemantauan bunyi dan ujian audio metrik.
 7. Untuk menjalankan apa-apa latihan, pentaksiran atau penelitian bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 3.4 Peraturan 4, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Tata tertib Badan-badan Berkanun, Akta Badan-badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) - Staf UTHM boleh melaksanakan pekerjaan luar setelah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

secara terperinci dalam Garis Panduan Pengurusan Pekerjaan Luar UTHM.

4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Pemohon/ Pelaksana

Mengemukakan permohonan pelantikan dan mendapatkan kelulusan daripada Pejabat OSHE sebelum kerja perkhidmatan kepakaran OYK/ OYT dilaksanakan.

4.2 Pejabat OSHE

- 4.2.1 Menyemak dan memastikan kelayakan OYK/ OYT yang akan menjalankan kerja perkhidmatan kepakaran di dalam UTHM.
- 4.2.2 Mengeluarkan surat pelantikan kepada OYK/ OYT bagi pelaksanaan perkhidmatan kepakaran.
- 4.2.3 Memantau kerja perkhidmatan kepakaran dan menyimpan rekod OYK/ OYT dengan baik.
- 4.2.4 Mengesahkan laporan atau perkhidmatan yang dijalankan oleh OYK/ OYT.
- 4.2.5 Daftar kawalan senarai OYK / OYT dalam kalangan staf UTHM akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Daftar ini boleh dirujuk di laman sesawang Pejabat OSHE.

4.3 Orang Yang Kompeten (OYK) / Orang Yang Terlatih (OYT)

- 4.3.1 OYK/ OYT mesti melaksanakan kerja perkhidmatan kepakaran yang dipertanggungjawabkan dengan sempurna.
- 4.3.2 Mengemukakan permohonan melaksanakan pekerjaan luar. Tatacara permohonan boleh merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Pekerjaan Luar UTHM.

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

- 4.3.3 Tiada bayaran boleh dituntut daripada kerja-kerja perkhidmatan kepakaran OYK/ OYT yang dilaksanakan.

4.4 Universiti

- 4.4.1 Pihak Universiti bersetuju untuk menanggung keperluan kursus secara berterusan (CEP) bagi membantu staf mengumpul mata kredit yang diperlukan, dan membiayai kos bagi memenuhi syarat pensijilan kompetensi yang ditetapkan.
- 4.4.2 Selain itu, universiti juga akan membantu memberi peluang kerja atau tugas di dalam UTHM (tanpa sebarang bayaran) bagi melayakkannya memperbaharui kompetensi sebagai OYK/ OYT.

5.0 SYARAT PELANTIKAN

- 5.1 PTj mestilah melantik OYK/ OYT yang berkaitan dalam kalangan staf yang berdaftar dengan agensi penguatkuasa atau yang diiktiraf.
- 5.2 OYK/ OYT tersebut mestilah memiliki lesen/sijil kompetensi yang sah dan berkuatkuasa sepanjang tempoh perkhidmatan yang akan diberikan.

6.0 TERMA-TERMA PELAKSANAAN KERJA PERKHIDMATAN KEPAKARAN OYK/OYT

- 6.1 Kerja-kerja pemeriksaan dan penaksiran hendaklah menepati kelayakan OYK/ OYT.
- 6.2 Urusan pemeriksaan dan penaksiran hendaklah tidak mengganggu tugas hakiki staf UTHM dan segala permohonan untuk menjalankan kerja perkhidmatan kepakaran tersebut hendaklah mendapat kebenaran oleh Ketua PTj.

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

- 6.3 Segala urusan berkaitan kerja perkhidmatan kepakaran yang dijalankan hendaklah tidak bercanggah atau menjasaskan kepentingan atau nama baik UTHM.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Peranan/ Tanggungjawab Orang Yang Kompeten (OYK)/ Orang Yang Terlatih (OYT),
<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/services/enforcement/persijilan/competent-person>.
- 7.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 7.3 Akta Kilang dan Jentera 1967.
- 7.4 Garis Panduan Pengurusan Pekerjaan Luar UTHM.

LAMPIRAN 1
GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN OYK / OYT

LAMPIRAN 1

Jadual 1: Orang Yang Kompeten (OYK) / Orang Yang Terlatih (OYT)

OYK	OYT
Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS)	<i>Ergonomic Trained Person</i>
Pengujian Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan (AGT dan ES)	<i>SIRAC Trained Person</i>
Pengendali Perancah	<i>OSH Co-ordinator</i>
Pengapit	
Penaksir Kualiti Udara Dalaman	
Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD)	
Juruteknik Higien 1	
Juruteknik Higien 2	
Drebar Enjin Pembakaran Dalam (EPD)	
Drebar Enjin Stim	
Penaksir Risiko Bising	
OYK Major Hazard	
Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)	
Orang Yang Bertanggungjawab Pemasang / Penyelenggara Kren Menara / Mesin Angkat Penumpang & Barang/Pelantar Kerja/Gondola	
CePSWaM - Certified Environmental Professional In Scheduled Waste Management	